

PM pelik, ajaib

Kerajaan sekarang sudah lama amalkan negara berkebijakan

>>Oleh Hayati Ibrahim

ya_t@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: "Saya pelik dan ajaib apabila ada yang mencanangkan mengenai negara kebijakan... (sedangkan) kita sudah lama mengamalkan negara berkebijakan dengan berusaha membela nasib rakyat sejak dulu," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata, konsep negara kebijakan bukan baru dan sentiasa menjadi objektif utama pentadbiran kerajaan ketika ini.

Malah, katanya penubuhan pelbagai agensi kerajaan seperti Felda, Risda dan Felcra membuktikan kesungguhan kerajaan membela nasib rakyat, dan ia menepati ciri-ciri negara kebijakan.

"Perjuangan menjurus kepada negara kebijakan sudah lama diperjuangkan, maka saya hairan dan pelik bila mereka nak membangunkan negara kebijakan.

"Apa yang mereka dakwa baru, sudah lama (kita) diperjuangkan. Tak payah mereka nak ambil modal kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Millenium Islam di Nusantara anjuran bersama Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) dan Nadi Di-



FOTO | Afendi Mohamed

BERJUMPA...Najib menerima buku daripada Imam Feisal Abdul Rauf, anak Dr Muhammad Abdul Rauf sambil diperhatikan ibunya, Puan Sri Buthaina Abd Rauf.

alog Malaysia (Nadi), di sini, semalam.

Pada majlis sama, Najib turut menyampaikan Tokoh Wasatiyyah 2011 kepada Rektor Pertama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Allayarham Tan Sri Prof Dr Muhammad Abdul Rauf.

Sementara itu, Najib berkata, aspek pengagihan kekayaan dan keadilan sosial adalah faktor penting untuk

mewujudkan kestabilan masyarakat dan ekonomi sesebuah negara.

Katanya, aspek itu sudah diberi penekanan oleh kerajaan supaya kekayaan digahikan secara adil dan saksama kepada semua keturunan yang ada di negara ini.

Beliau berkata, pendekatan wasatiyyah (kesederhanaan berimbang) yang diamalkan negara ini membolehkan negara muncul sebagai negara

Islam demokratik, dan berubah kepada negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi.

"Hari ini, kita sudah mengihyakan (menerapkan) wasatiyyah sebagai prinsip pedoman kepada gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

"Inilah falsafah dan formula yang akan merealisasikan aspirasi negara dalam mencapai Wawasan 2020," katanya.

Selain itu, Najib berkata polemik mengenai agama dalam sebuah negara yang berbilang keturunan perlu diurus dengan berhemah dan cermat kerana perbincangan berkaitan agama mampu membakar perasaan semua pihak.

"Sememangnya dalam sebuah negara demokratik, setiap individu bebas menyuarakan pendapat asalkan tidak melanggar undang-undang, tetapi menyuarakan pendapat yang diketahui mampu membakar perasaan penganut agama lain akan mengundang kenyataan balas yang provokatif.

"Justeru, semua pihak wajib berhati-hati dan mengambil pendekatan bijaksana demi kestabilan nasional, malah itulah yang dituntut dalam setiap ajaran agama," katanya.